

SOALAN NO: 177

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]
TARIKH :
SOALAN : 177

YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berikutan syor Pertubuhan Kesihatan Sedunia agar nisbah bilangan pakar psikiatri dengan jumlah penduduk negara seharusnya 1:10,000, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mencapai nisbah tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi bilangan Pakar Psikiatri adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan slot tajaan biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan untuk program sarjana kepakaran bagi bidang Psikiatri daripada 39 slot pada tahun 2012 kepada 49 slot pada tahun 2016.
- ii. Melantik semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan.

- iii. Menggalakkan Pegawai Perubatan Pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

KKM menyediakan peluang latihan dalam perkhidmatan di dalam negara dan juga di luar negara untuk meningkatkan tahap perkhidmatan bagi para doktor. Sebanyak 150 slot biasiswa subkepakaran telah disediakan bagi doktor pakar bagi mengikuti latihan subkepakaran.